

KESELAMATAN RAKYAT MALAYSIA DI SUDAN

Print

KESELAMATAN RAKYAT MALAYSIA DI SUDAN

Kementerian Luar Negeri terus memantau rapat perkembangan terkini di Sudan termasuk demonstrasi berlarutan di seluruh negara itu.

Kementerian sentiasa berhubung dengan Kedutaan Besar Malaysia di Khartoum. Kesemua 50 rakyat Malaysia, termasuk 25 pelajar yang berdaftar dengan Kedutaan dilaporkan berada dalam keadaan selamat. Pegawai-pegawai Kedutaan sentiasa berhubung rapat dengan mereka. Selain mengambil inisiatif untuk menempatkan secara sementara seramai 17 rakyat Malaysia dan seorang staf PETRONAS warganegara Thailand di Kediaman Rasmi Duta Besar, Kedutaan juga telah menasihatkan rakyat Malaysia yang lain untuk mengutamakan keselamatan mereka.

Rakyat Malaysia yang memerlukan bantuan konsular di Sudan boleh menghubungi Kedutaan Besar Malaysia menerusi saluran-saluran berikut:

KEDUTAAN BESAR MALAYSIA DI KHARTOUM

Telefon : +249 99 070 0350

E-mel : mwkhartoum@kln.gov.my

Media sosial : @Malawakil.Khartoum (Facebook)
@MYEmbKhartoum (Twitter)

WISMA PUTRA

Waktu pejabat : 03-88874201 / 4530

Selepas waktu pejabat : 03-88874570

PUTRAJAYA

27 OKTOBER 2021